

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ
BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan komitmen Kerajaan untuk megkaji dan melaksanakan cukai keuntungan besar (*windfall tax*) untuk membantu membiayai pelan pemulihan dan strategi keluar (*exit strategy*) negara. Antara desakan untuk mengenakan cukai *windfall* adalah kepada syarikat pengeluar sarung tangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *windfall profit levy* atau levi keuntungan luar biasa pada masa ini hanya dikenakan ke atas komoditi buah kelapa sawit berdasarkan nilai ambang harga pasaran minyak sawit mentah (atau CPO) yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia secara bulanan.
2. Penggubalan Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 tidak berbentuk spesifik bagi mengenakan levi ke atas komoditi buah kelapa sawit sahaja. Akta ini boleh digunapakai bagi mengenakan levi ke atas apa-apa barangan yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Namun sejak Akta ini berkuatkuasa, levi belum pernah dikenakan ke atas barangan siap pengguna atau barangan pengilangan tempatan. Ini kerana levi dikenakan ke atas keuntungan yang melebihi paras ambang tertentu, yang mana adalah sukar untuk menentukan harga pasaran yang seragam

bagi barangan siap pengguna atau produk pengilangan tempatan yang mempunyai pelbagai jenis, standard, spesifikasi serta gred yang berbeza-beza mengikut permintaan pasaran.

3. Sehubungan itu, Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengenakan levi keuntungan luar biasa ke atas produk sarung tangan getah yang menikmati keuntungan tambahan berikutan lonjakan permintaan sarung tangan getah di seluruh dunia susulan pandemik COVID-19, mahupun kepada lain-lain perniagaan yang menjana keuntungan berganda semasa krisis kesihatan melanda dunia.

4. Sungguhpun tidak dikenakan levi keuntungan luar biasa, industri pengeluaran sarung tangan getah turut menyumbang *spill over effects* kepada ekonomi negara dari segi cukai langsung dan cukai tidak langsung khususnya cukai pendapatan syarikat yang meningkat, di samping dapat terus menyediakan peluang pekerjaan semasa krisis COVID-19. Hasil keuntungan tambahan yang diperoleh industri sarung tangan getah semasa pandemik COVID-19 juga boleh digunakan oleh industri untuk terus membuat pelaburan semula dan mendorong pihak pelabur mengembangkan lagi perniagaannya di negara ini.

Sekian, terima kasih.